

PRINSIP-PRINSIP PROSIDING MAHKAMAH dalam SYARIAT ISLAM

Edisi Kedua

"Wahai 'Ali, apabila duduk di antaramu dua orang yang bertikai, jangan kamu buat keputusan sehingga kamu mendengar (keterangan) dari pihak yang lain, sepertimana kamu mendengar dari pihak yang pertama" - (hadis riwayat Abu Daud)

9505

II

Amin al-Jarumi

PRINSIP-PRINSIP PROSIDING MAHKAMAH dalam SYARIAT ISLAM

Edisi Kedua



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

PRINSIP-PRINSIP PROSIDING MAHKAMAH dalam SYARIAT ISLAM

Edisi Kedua

Amin al-Jarumi

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Universiti Teknologi MARA • SHAH ALAM • 2010

PUSTAKA PERDANA



1009815

#208272

Cetakan Pertama 2006
Edisi Kedua Cetakan Pertama 2010

© Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM 2010

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: upena@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Amin al-Jarumi, 1947-

Prinsip-prinsip prosiding mahkamah dalam syariat Islam Ed. ke-2 /

Amin al-Jarumi.

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 309

ISBN 978-967-305-357-5

1. Procedure (Law)--Malaysia. 2. Court rules--Malaysia. I. Judul.
347.59505

Reka bentuk kulit : Azzuren Mazlah

Diatur huruf oleh : Nur Anwar Hilmi/Kamaliah Kamaruddin

Rupa taip teks : Helvetica/Times

Saiz taip teks : 11/12

Dicetak di Malaysia oleh : Straits Digital Sdn Bhd
Lot 10, Jalan SS13/3F
Kawasan Perindustrian Subang Jaya
47500 Subang Jaya
Selangor, Malaysia
straitsdigital@yahoo.com

347.59505
A111

KANDUNGAN

| | |
|---|-----|
| <i>Prakata</i> | vii |
| BAB 1 | |
| PERSPEKTIF UMUM PROSIDING MAHKAMAH DALAM SYARIAT ISLAM | 1 |
| BAB 2 | |
| BEBERAPA KONSEP UMUM PROSIDING MAHKAMAH DALAM SYARIAT ISLAM | 17 |
| BAB 3 | |
| PROSIDING MAHKAMAH TAHAP PRABICARA | 39 |
| BAB 4 | |
| PROSIDING MAHKAMAH TAHAP PERBICARAAN: PENDAKWAAN DAN PEMBUKTIAN | 109 |
| BAB 5 | |
| PROSIDING MAHKAMAH TAHAP PENGHAKIMAN DAN SANGGAHAN TERHADAP HUKUMAN | 233 |

| | |
|--------------------|-----|
| <i>Nota Hujung</i> | 271 |
| <i>Glosari</i> | 301 |
| <i>Bibliografi</i> | 309 |
| <i>Indeks</i> | 319 |

PRAKATA

Meskipun terdapat penulisan oleh para *fuqaha* mengenai prosiding mahkamah dalam syariat Islam, namun ianya didapati bertaburan dalam kitab-kitab yang begitu banyak dan menyukarkan bagi seseorang pelajar atau pengkaji untuk merujuk. Tambahan pula kadangkala ia dicampuradukkan dengan *'Adab al-Qadi* (Etika Hakim Syarie). Bertitik tolak dari kedudukan ini, buku ini akan cuba membicarakan tentang perspektif umum, konsep umum prosiding mahkamah dan perjalanan prosiding bermula dari tahap prabicara, perbicaraan, pembuktian, penghakiman sehingga ke tahap sanggahan terhadap hukuman dalam syariat Islam.

Pendekatan dalam penulisan buku ini dibuat dalam bentuk kajian perbandingan antara pandangan *fuqaha* mazhab-mazhab *mu'tabar* iaitu Maliki, Hanbali, Hanafi dan Syafie, di samping tidak mengeneipkan pandangan mazhab-mazhab lain. Penulis juga cuba memberi pandangan peribadinya dalam mentarjihkan pandangan-pandangan *fuqaha* tersebut. Selain dari itu, disentuh juga di mana perlu peruntukan-peruntukan dalam Akta-akta mengenai tatacara mal, prosiding jenayah dan keterangan yang digunapakai di Mahkamah Syariah di Malaysia masa kini.

Prof. Madya Dr. Md. Amin Abdul Rahman al-Jarumi
Fakulti Undang-undang
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam, Selangor D.E.



BAB 1

PERSPEKTIF UMUM PROSIDING MAHKAMAH DALAM SYARIAT ISLAM

PENGENALAN

Undang-undang Sivil dan Jenayah Islam¹, tidak akan dapat berperanan secara efektif, dalam menjamin kepentingan (*masalah*) individu serta masyarakat, jika tidak diamalkan bersama-samaanya suatu sistem prosiding mahkamah yang membolehkan pertuduhan dan pensabitan dijalankan ke atas tertuduh dan hukuman dijatuhkan ke atas pesalah yang sabit kesalahannya. Dalam ungkapan lain kedua-dua undang-undang tersebut pada asalnya bersifat 'statik' tetapi kemudiannya berubah menjadi 'dinamik' apabila digerakkan oleh prosiding mahkamah.

Dari sudut yang lain, wujudnya prosiding mahkamah akan membolehkan negara melaksanakan suatu dasar yang dikenali sebagai 'Dasar Kawalan Jenayah'² secara berkesan.

Di samping itu, hukuman misalnya yang merupakan kesan daripada pelanggaran ke atas apa-apa peruntukan yang terdapat dalam undang-undang sivil atau jenayah Islam tidak akan dapat dilaksanakan secara adil dan saksama, melainkan jika terdapat sistem prosiding mahkamah yang jelas dan teratur. Justeru, menjadi suatu kemestian di samping wujudnya hak mengenakan hukuman perlu pula adanya hak untuk membuat tuntutan dan pendakwaan.

Oleh itu, dapat dilihat betapa perlunya prosiding mahkamah yang merupakan proses melaksanakan kaedah-kaedah yang mengatur atau menyusun tuntutan dan pendakwaan sama ada tuntutan sivil atau dakwaan



jenayah, bermula daripada salah laku atau pelanggaran ke atas sesuatu batas atau larangan syarak. Hasil dari pelaksanaan kaedah-kaedah ini juga akan melahirkan berbagai hak (*huquq*) dan bebanan atau tanggungan (*iltizamat*) sama ada kepada pendakwa (*al-mudda'i*) atau ke atas yang kena dakwa (*al-mudda'a 'alayh*).

Dengan keterangan di atas jelas menunjukkan, bahawa prosiding mahkamah adalah suatu cara menguatkuasa Undang-undang Sivil dan Jenayah Islam serta mewujudkan hak pemerintah dalam menegakkan keadilan. Ini disebabkan, peruntukan-peruntukan undang-undang sama ada yang berbentuk suruhan atau tegahan tidak akan dapat berfungsi jika tidak diketahui cara melaksanakannya. Begitu juga halnya dengan hukuman, mustahil dapat dilihat kesannya jika tidak terdapat kaedah-kaedah yang mengatur segala perkara yang berkaitan proses-proses mengenal pasti penjenayah, siasatan, pendakwaan, pembuktian dan akhirnya mengenakan hukuman jika sabit kesalahannya.

Selain daripada itu perlu ditekankan di sini, meskipun syariat Islam mewajibkan disempurnakan hukuman ke atas kesalahan-kesalahan (*al-jara'im*),³ namun syariat Islam tidak menentukan cara atau prosedur tertentu untuk mendedah, menyiasat dan mendengar sesuatu dakwaan terhadap sesuatu tuduhan atau kesalahan. Sebaliknya, semua perkara ini diserahkan kepada budi bicara pemerintah (*wali al-'amr*) untuk melakukan sesuatu yang perlu dan sesuai dalam mencapai kepentingan masyarakat dan negara. Namun begitu, ia hendaklah dengan syarat tidak bertentangan dengan *nass-nass* yang jelas dan nyata (*sarih/ definitive*) dari al-Qur'an dan al-Sunnah serta *al-Ijma'*, *al-Qiyas* dan Matlamat-matlamat Syariat (*Maqasid al-Shari'ah*).

Rumusan ini dibuat, berdasarkan kepada beberapa kenyataan oleh beberapa orang *fuqaha' mutaqaddimin* dan *muta'akhkhirin*. Antaranya, kenyataan yang dibuat oleh Ibn Qayyim al-Jawziyyah yang menyebut seperti berikut:

“Sesungguhnya Allah SWT telah mengutuskan Rasul-rasulNya dan menurunkan kitab-kitabNya supaya manusia dapat hidup dengan saksama, iaitu keadilan yang dapat membahagiakan kehidupan dunia dan

akhirat. Jika nyata petanda-petanda keadilan serta jelas pula bentuknya dengan apa cara jua pun, itu adalah syariat Allah dan agamaNya yang murni. Sesungguhnya Allah SWT Lebih Mengetahui, Lebih Bijaksana dan Lebih Adil dalam menentukan cara untuk mencapai keadilan dan menunjukkan petanda-petandaNya dengan sesuatu...”⁴

Kemudian beliau menyatakan lagi:

“Maka tidak boleh dikatakan, bahawa ‘siyasah’ yang adil itu bercanggah dengan apa yang dinyatakan oleh syarak, bahkan ia sejajar dengan apa yang didatangkan olehnya. Ia adalah sebahagian daripada bahagian-bahagiannya. Kami menamakannya dengan ‘siyasah’ sesuai dengan istilah yang kamu gunakan. Ia adalah keadilan Allah dan RasulNya yang lahir bersama petanda dan alamat-alamat ini. Bahawasanya Rasulullah SAW telah menahan (seseorang) atas suatu tuduhan. Rasulullah SAW juga telah menghukum ke atas suatu tuduhan, apabila timbul petanda-petanda prasangka ke atas tertuduh. Maka sesiapa yang membebaskan setiap tertuduh dan memintanya bersumpah dan kemudian melepas bebaskannya, sedangkan dia mengetahui bahawa ia bermaharajalela membuat perosakan di atas muka bumi dan kerap pula mencuri dan dia berkata, “Aku tidak akan mengambil tindakan melainkan jika terdapat dua saksi yang adil”, maka kata-katanya itu adalah bercanggah dengan ‘siyasah shar’iyyah’.”⁵

Pandangan yang hampir sama juga telah diutarakan oleh ‘Iwad Muhammad ‘Iwad dengan kenyataannya seperti berikut:

“Bahawasanya untuk menyasiat dakwaan, sama ada dalam menentukan pihak yang berkuasa melaksanakannya, kaedah-kaedah yang mengaturnya serta acara yang dijalankan olehnya untuk sampai kepada hakikat sesuatu, semua perkara-perkara ini

adalah 'siyasah' bukannya dari syariat. Tidak terdapat dalam syariat nass-nass yang mewajibkan perkara-perkara ini diatur dalam bentuk yang tertentu. Namun, terdapat prinsip-prinsip dan hukum-hukum umum yang mengadili segala tindakan seperti dalam perkara-perkara lain. Ianya tidak memusnahkan hukum syarak yang menjaga kehormatan manusia dan hak-hak mereka, meskipun harus dikecualikan hak-hak ini sebagai memenuhi tuntutan darurat dalam batas-batasnya yang diharuskan oleh prinsip-prinsip darurat tersebut.”⁶

Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa syariat Islam tidak meletakkan suatu peraturan terperinci mengenai sistem prosiding, bahkan sistem kehakiman itu sendiri secara amnya kerana semuanya termasuk dalam apa yang diistilahkan sebagai 'siyasah' atau 'al-masalih al-mursalah' iaitu sesuatu perbuatan yang berkepentingan yang tidak terdapat dalil syarie mengenainya, sama ada dalam memperakui atau menafikan perbuatan tersebut yang kuasa untuk melaksanakannya diberikan kepada pemerintah (*wali al-'amr*) mengikut budi bicaranya dengan mengambil petunjuk daripada al-Qur'an dan al-Sunnah serta keadaan masa dan tempat dan mengambil ilham daripada roh dan prinsip-prinsip syariat itu sendiri.

Penggunaan prinsip *siyasah* dan kaedah *al-masalih al-mursalah* ini dalam konteks prosiding, adalah dengan tujuan untuk menjamin kepentingan masyarakat dan negara. Namun begitu, menjamin kepentingan masyarakat dan negara bukanlah merupakan satu-satunya tujuan dari pelaksanaan prosiding mahkamah kerana ia juga bertujuan menjaga kepentingan individu dan kebebasannya. Ini disebabkan, meskipun kemungkinan individu itu terdedah kepada sesuatu tuntutan atau tuduhan yang tidak dapat dinafikan, namun begitu tidaklah semudah itu ia boleh dihukum kerana kaedah umum dalam *fiqh* ada menyatakan, “Pada asalnya seseorang itu bebas dari tanggungan.”⁷ Oleh yang demikian, undang-undang dan peraturan prosiding mahkamah menjamin kebebasan individu dengan jaminan-jaminan yang meliputi peringkat-peringkat pendakwaan, siasatan, perbicaraan, pembuktian, penghakiman dan pelaksanaan hukuman.

CIRI-CIRI PROSIDING MAHKAMAH DAN KAITANNYA DENGAN UNDANG-UNDANG SIVIL DAN JENAYAH ISLAM

Seperti yang dinyatakan di atas, prosiding mahkamah merupakan proses melaksanakan kaedah-kaedah yang mengatur dan menyusun cara-cara negara menggunakan haknya dalam menegakkan keadilan, maka dalam konteks ini ia memiliki ciri-ciri berikut:

1. Hubungkait yang rapat antaranya dengan Undang-undang Sivil dan Jenayah Islam. Ini bermakna, prosiding mahkamah tidak boleh wujud dengan sendirinya tanpa adanya peruntukan-peruntukan Undang-undang Sivil dan Undang-undang Jenayah Islam yang memperakui hak negara mengenakan hukuman terhadap sesuatu kesalahan.
2. Antara prosiding mahkamah dengan Undang-undang Sivil dan Undang-undang Jenayah Islam tidak terdapat perbezaan dari segi pensyariatannya (*shar'iyah*). Tetapi, dilihat daripada aspek subjek dan objektif kedua-duanya agak berbeza. Undang-undang Sivil dan Undang-undang Jenayah Islam bertujuan mengawal kepentingan individu, masyarakat dan negara dengan menyalahkan perbuatan-perbuatan yang memudaratkan mereka atau yang mengancam mereka dengan kemudaratan, sama ada ke atas agama, jiwa, harta benda, akal dan maruahnya.⁸

Prosiding mahkamah pula berfungsi mengatur perjalanan pentadbiran peradilan agar tidak tersalah dihukum orang yang tidak bersalah atau melepasi bebaskan pesalah dari hukuman yang sewajar dikenakan ke atasnya. Dari aspek subjeknya pula Undang-undang Sivil dan Undang-undang Jenayah Islam mengatur syarat-syarat khusus dalam mensabitkan hak mahkamah dalam menghukum berdasarkan kepada ketetapan dan ketentuan Allah SWT, sedangkan prosiding mahkamah pula mengatur acara-acara atau prosedur-prosedur yang perlu dipatuhi untuk sampai kepada keputusan kehakiman yang memperakui atau menafikan hak tersebut.

ANTARA PROSIDING SIVIL DENGAN PROSIDING JENAYAH DALAM ISLAM

Dalam kebanyakan negara-negara Islam, para penggubal undang-undang telah menyusun dua jenis undang-undang yang dinamakan dengan Undang-undang Prosedur Sivil dan Undang-undang Prosedur Jenayah Islam. Dilihat daripada beberapa aspek tiada perbezaan ketara antara kedua-duanya. Misalnya, daripada aspek kaedah-kaedah umum seperti 'Perbicaraan hendaklah dijalankan secara lisan dan terbuka', 'Pihak-pihak bertikai dimestikan hadir semasa perbicaraan dijalankan', 'Keputusan atau penghakiman hendaklah dibuat secara terbuka' dan beberapa kaedah umum lainnya.

Begitu juga dari sudut pengendaliannya, berkemungkinan institusi atau badan kehakiman yang membicarakan kes-kes sivil itulah juga yang membicarakan kes-kes jenayah (seperti yang diamalkan dalam Sistem Mahkamah Syariah di Malaysia). Lebih jauh, kedua-duanya mempunyai peranan yang sama dalam mengatur kaedah-kaedah yang berbentuk teknikal mengenai proses pengadilan. Namun begitu, masih terdapat beberapa perbezaan pokok di antara kedua-duanya. Antaranya seperti berikut:

1. Dilihat daripada aspek kepentingan yang dikawal oleh kedua-dua sistem ini, didapati prosiding sivil mengawal kepentingan Mal dan kekeluargaan pihak-pihak yang bertikai, sedangkan prosiding jenayah mengawal kepentingan negara dalam menghukum pihak yang melanggar hak-hak Allah SWT dan hak-hak manusia selain daripada menjaga kepentingan 'moral' (*ma'nawi*) mereka seperti kehormatan dan kebebasan peribadi serta kepentingan-kepentingan lain yang berkaitan dengan diri seseorang yang bukan merupakan hak-hak yang berbentuk '*Mal*'. Lanjutan daripada itu, dapat dilihat dalam prosiding sivil, misalnya *fugaha*' memberi hak kepada pihak yang menuntut (plaintif) menarik balik tuntutan atau pihak-pihak yang bertikai menghentikan pertikaian melalui proses *sulh*,⁹ sedangkan kaedah sebegini tidak terdapat dalam prosiding jenayah, jika hak yang dituntut itu terdiri dari hak Allah SWT.¹⁰

Jika dirujuk kepada Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah di Malaysia yang diamalkan dalam prosiding mahkamah terdapat peruntukan-peruntukan mengenai perkara ini. Misalnya, Seksyen 95 (1) Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan (ATMMSWWP) 1998 memperuntukkan:

Plaintif boleh, dengan kebenaran Mahkamah, pada bila-bila masa sebelum penghakiman, menarik balik mana-mana prosiding keseluruhannya atau sebahagiannya dengan memberi notis dalam borang MS 19 kepada mahkamah dan menyampaikan satu salinan notis itu kepada defendan.

Sementara itu, tindakan menghentikan pertikaian dalam kes-kes sivil melalui *sulh* ini juga diperakui oleh sistem prosiding Mahkamah Syariah. Misalnya, Seksyen 99 ATMMSWWP memperuntukkan:

Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.

2. Dari aspek pembuktian, dalam kes-kes jenayah ia mempunyai kaedah-kaedah khusus, sedangkan sebahagian daripada kaedah-kaedah ini tidak terdapat dalam kes-kes sivil. Misalnya, dalam kes *hudud*¹¹ seperti zina, dikehendaki empat orang saksi bagi mensabitkannya, sedangkan dalam kes-kes kekeluargaan atau kehartaan hanya dikehendaki dua orang saksi sahaja.
3. Melaksanakan kaedah-kaedah prosiding sivil dianggap sebagai suatu pegecualian kerana pada dasarnya bebanan-bebanan atau tanggungan-tanggungan (*al-‘iltizamat*) yang diwujudkan oleh sesuatu kontrak misalnya, boleh disempurnakan secara sendiri oleh pihak-pihak yang terbabit tanpa perlu kepada campur tangan mahkamah. Sedangkan dalam prosiding jenayah ia adalah suatu yang mesti dilaksanakan dengan kuatkuasa mahkamah.

Tertuduh misalnya, tidak boleh menyempurnakan tanggungannya secara sendiri, sebaliknya perlu mematuhi proses prosiding untuk sampai kepada penghakiman muktamad yang ditentukan oleh mahkamah yang akan mengambil kira semua jaminan-jaminan dalam menjaga kepentingannya dan kepentingan pihak-pihak lain yang terlibat.

SUMBER-SUMBER PROSIDING MAHKAMAH DALAM SYARIAT ISLAM

Prosiding mahkamah dalam Islam sepertimana cabang-cabang Undang-undang Islam yang lain, sebahagian daripada tatacaranya bersumberkan kepada sumber-sumber utama syariat Islam yang disepakati oleh majoriti *fuqaha'* iaitu *al-Qur'an*, *al-Sunnah*, *al-Ijma'* dan *al-Qiyas*.¹²

Al-Qur'an

Al-Qur'an, ialah kitab Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan lafaznya dalam bahasa Arab, dipindahkan secara *mutawatir*, bermula dengan *Surah al-Fatihah* dan diakhiri dengan *Surah al-Nas*.¹³ Kitab suci ini adalah sumber utama syariat Islam bagi seluruh umat Islam sepanjang zaman.

Kandungan al-Qur'an dari segi hukum merangkumi hukum-hukum yang berkaitan dengan kepercayaan (*i'tiqadiyyat*), perihal akhlak (*akhlaqiyyat*) dan hukum-hukum amali (*'amaliyyat*). Hukum-hukum amali bolehlah dibahagikan kepada dua jenis iaitu hukum-hukum '*Ibadat* yang mengatur hubungan antara manusia dengan Allah SWT dan hukum-hukum *Mu'amalat* yang mengatur hubungan antara sesama manusia. Antara hukum-hukum *mu'amalat* ini ialah hukum-hukum mengenai kirabicara sivil dan hukum-hukum yang berkaitan dengan jenayah serta hukum-hukum acara atau prosedur.

Jika dilihat secara khusus kepada Hukum-hukum Sivil dan Jenayah Islam yang didatangkan oleh al-Qur'an, didapati ia berkaitan dengan undang-undang atau peraturan-peraturan yang mewujudkan batasan bagi mengawal hubungan antara dua pihak atau lebih. Ini merangkumi hukum-hukum yang berkaitan dengan perniagaan, kontrak, hubungan kekeluarga-

dan sebagainya. Ia juga menjelaskan tentang perkara-perkara yang dihalang perbuatannya, serta dikemukakan balasan atau hukuman yang setimpal terhadap kesalahan-kesalahan tersebut yang dilakukan oleh seseorang *mukallaf* bagi menjaga agama, nyawa, akal, maruah dan hartanya. Selain daripada itu, diterangkan juga hubungan di antara orang yang terkena jenayah (*al-majna 'alayh*) dengan yang melakukan jenayah (*al-majni*). Hukum-hukum Sivill dan Jenayah Islam ini berkait rapat dengan hukum-hukum khusus mengenai prosiding mahkamah merangkumi perkara-perkara yang berkaitan dengan pendakwaan, pembuktian, penghakiman dan sebagainya yang bertujuan mengatur acara atau prosedur-prosedur perbicaraan dalam menjamin keadilan perjalanan sistem kehakiman Islam.

Dalam al-Qur'an, terdapat kira-kira tiga puluh ayat mengenai jenayah serta kira-kira tiga belas ayat mengenai peradilan, kesaksian dan sumpahan.¹⁴ Kadangkala ayat-ayat ini menyatakan sesuatu dengan jelas, khususnya mengenai kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman. Namun begitu, kebanyakannya sekadar mengemukakan prinsip-prinsip atau kaedah-kaedah umum seperti dalam hal-hal yang berkaitan dengan prosiding mahkamah yang penjelasan dan pentafsirannya dibuat oleh al-Sunnah serta *Ijtihad*¹⁵ para *fuqaha*'.

Al-Sunnah

Al-Sunnah ialah sesuatu yang lahir daripada Rasulullah SAW sama ada dalam bentuk kata-kata, perbuatan atau pengakuan Baginda.¹⁶ Ia merupakan sumber kedua syariat Islam selepas al-Qur'an dan berfungsi memberi penjelasan dan huraian kepada *nass-nass* al-Qur'an,¹⁷ seperti yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firmanNya yang bermaksud:

*“Dan Kami pula turunkan kepadamu (wahai Muhammad) al-Qur'an yang memberi peringatan, supaya engkau menerangkan kepada umat manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.”*¹⁸

Dalam konteks peradilan Islam, Rasulullah SAW melalui Sunnahnya memainkan peranan penting dalam menggariskan prinsip-prinsip asas dalam pentadbiran keadilan jenayah Islam termasuk prinsip-prinsip prosiding mahkamah. Peranan Baginda ini bukan sahaja sekadar memperkanunkan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan peradilan dan prosiding mahkamah, malah Rasulullah SAW mempraktikkannya secara amali ke atas kes-kes yang dihadapkan kepada Baginda.¹⁹

Terdapat beberapa prinsip dan kaedah umum yang dikira sebagai asas kepada prosiding mahkamah dalam Islam. Ia juga turut diakui sebagai dasar-dasar penting kepada sistem prosiding mahkamah masa kini. Antara yang digariskan oleh Rasulullah SAW ialah seperti berikut:

1. Penolakan hukuman *hudud* kerana wujudnya keraguan (*shubhah*). Ini bermakna, hukuman *hudud* hendaklah diketepikan jika terdapat sesuatu elemen yang meragukan, sama ada pada diri tertuduh atau bukti yang dikemukakan. Ini berdasarkan kepada hadis *sahih* Rasulullah SAW daripada ‘Abdullah ibn Mas’ud r.a. yang bermaksud:

“Ketepikan hukuman hudud kerana adanya keraguan-keraguan dan ketepikan membunuh (balas) dari orang-orang Islam sekadar yang termampu.”²⁰

2. Hakim terikat dengan proses prosiding sebelum penghakiman dibuat, seperti yang dilaksanakan oleh Rasulullah SAW dalam kes Ma’iz yang membuat pengakuan (*iqrar*) berzina.²¹
3. Dalil atau bukti yang dikemukakan hendaklah *shar’i* (dapat diterima oleh syarak). Contohnya, Rasulullah SAW menegah pembuktian yang dibuat melalui perbuatan mengintip atau sesuatu perbuatan yang boleh mencemarkan kehormatan peribadi tertuduh. Ini berdasarkan kepada hadis *sahih* Rasulullah SAW daripada Abu Hurairah r.a. yang bermaksud:

“Jauhkanlah dirimu daripada kecurigaan kerana kecurigaan merupakan sebesar-besar pembohongan. Janganlah kamu risik merisik, intip mengintip, lumba berlumba, berhasad dengki, benci membenci, musuh

memusuhi dan jadilah hamba-hamba Allah yang bersaudara."²²

4. Saksi perlu memenuhi syarat-syarat tertentu yang menjamin sifat berkecualinya dan jauh dari sebarang keraguan terhadap kesahihan kesaksiannya seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis dari 'Abdul Rahman ibn Abi Bakrah daripada bapanya yang bermaksud:

*"Tidakkah kamu ingin ku beritahu tentang dosa yang paling besar? Jawab mereka (para sahabah), "Ya, Duhai Rasulullah". Sabda Rasulullah, "Mensyirikkan Allah, derhaka kepada kedua ibu bapa dan kesaksian palsu atau kata-kata palsu."*²³

5. Tidak boleh dilucutkan kuasa mendakwa daripada kuasa-kuasa am (*al-sulutat al-'ammah*) khususnya kuasa kehakiman (*al-sultah al-qada'iyah*) setelah sesuatu kes itu dihadapkan kepadanya berdasarkan kepada apa yang dikatakan oleh 'Urwah ibn al-Zubair setelah al-Zubair memberkas seorang pencuri dan memberi pengampunan kepadanya. Maka orang berkata, "*Pengampunan boleh diberikan sehingga ia dihadapkan kepada pemerintah (al-Imam).*" Kata 'Urwah, "*Jika telah sampai kepada pengetahuan pemerintah, maka dilaknat orang yang memberi perlindungan (pengampunan) dan yang menerima perlindungan.*"²⁴

Athar di atas telah menggariskan suatu kaedah penting, iaitu apabila sesuatu kes *hudud* dihadapkan ke muka pengadilan, maka tidak dibenarkan sama sekali sebarang campur tangan daripada mana-mana pihak untuk memberi perlindungan ke atas pelakunya. Pelanggaran ke atas larangan ini amat berat akibatnya iaitu mendapat laknat dari Allah SAW.²⁵

Al-Ijma'

Al-Ijma' ialah persepakatan seluruh para *mujtahidin*²⁶ daripada umat Muhammad SAW setelah wafatnya Baginda pada sesuatu peringkat masa mengenai sesuatu hukum syarak.²⁷ Ia merupakan sumber ketiga kepada syariat Islam setelah wafatnya Rasulullah SAW. Semasa hayat Bagind

Buku ini membicarakan tentang prinsip-prinsip prosiding mahkamah dalam syariat Islam yang mencakupi pembicaraan tentang perspektif umum prinsip-prinsip dan beberapa konsep tahap-tahap prosiding mahkamah bermula dari tahap prabicara hinggalah kepada sanggahan terhadap hukuman. Perbincangan dalam buku ini dilihat dari perspektif pelbagai mazhab fiqh di samping menyentuh beberapa peruntukan yang terdapat dalam Akta Prosedur Mal dan Jenayah Syariah serta Undang-undang Keterangan Islam yang diamalkan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia.



Prof. Madya Dr. Md. Amin Haji Abdul Rahman al-Jarumi dilahirkan pada 23 September 1947 di Alor Setar, Kedah Darul Aman. Berkelulusan Sarjana muda Syariah dan Undang-undang Universiti al-Azhar, Mesir (1974), Sarjana Pengajian Islam dalam bidang Dakwah dan Kepimpinan (1989) dan PhD (Syariah) pada tahun 1997, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mula berkhidmat sebagai pensyarah UiTM pada 1978. Buku ini merupakan Edisi kedua kepada buku '*Prinsip-prinsip Prosiding Mahkamah dalam Syariat Islam*' yang telah diterbitkan dalam tahun 2006 oleh Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.